

# EKUINAS LABUR HAMPIR RM400 JUTA DALAM ORKIM, COOLBLOG



Bernamea Media – 15 hours ago

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Ekuiti Nasional Bhd (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan, melabur hampir RM400 juta dalam Orkim Sdn Bhd dan CoolBlog Sdn Bhd bagi mengembangkan lagi portfolio minyak dan gas serta makanan dan minuman.

Dalam kenyataan hari ini, Ekuinas berkata ia melabur RM346.3 juta untuk memperoleh sehingga 95.5 peratus kepentingan dalam Orkim, Malaysia, syarikat kapal tangki produk petroleum bersih utama.

Katanya langkah itu sejajar dengan strateginya untuk memperoleh aset boleh jual atau bukan teras syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat senaraian awam.

"Pelaburan dalam Orkim dijangka selesai pada suku keempat 2014,"

katanya.

Ekuinas berkata cabang runcit makanan dan minumannya, Integrated Food Group Sdn Bhd, melabur RM50.8 juta bagi 60 peratus ekuiti dalam CoolBlog, francais pencuci mulut dan minuman tempatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata pelaburan ini akan membolehkan Ekuinas bekerjasama dengan usahawan kecil Malaysia dan Bumiputera serta membantu mereka mewujudkan pendapatan yang mampan.

-- BERNAMA

ZER ZER THs NJ

08/21/2014 18-03ST

---

## SPONSORED LINKS

- [Fast Loan - Malaysia](#)  
[www.gsmaju.com.my](http://www.gsmaju.com.my)  
Personal Loan and company Loan lulus dalam 1jam!hubungi kami
  - [Used Car Or New Car?](#)  
[volkswagen.com.my/Used-Car](http://volkswagen.com.my/Used-Car)  
A New VW Is Just As Affordable. Get A New VW With 5-Year Warranty!
  - [Mercedes-Benz in Malaysia](#)  
[carlist.my/Mercedes-Benz](http://carlist.my/Mercedes-Benz)  
Find New & Used Mercedes Cars. Get Your Mercedes Here Now!
-